



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 40/2018 dari 30 September hingga 6 Oktober 2018)

Pada minggu ke-40 iaitu bagi tempoh 30 September hingga 6 Oktober 2018, sejumlah 1,424 kes Denggi telah dilaporkan diseluruh negara, iaitu peningkatan sebanyak 8.5% berbanding 1,312 kes pada minggu sebelumnya. Bermula dari Januari hingga 6 Oktober 2018 sejumlah 56,608 kes Denggi dilaporkan di seluruh negara manakala jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 98 kematian.

Sejumlah 446 lokaliti wabak yang dilaporkan di seluruh Malaysia pada minggu ke-40. Manakala sebanyak 47 lokaliti hotspot melibatkan empat (4) buah negeri iaitu 35 hotspot di Selangor, lapan (8) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, tiga (3) di Pulau Pinang dan satu (1) di Perak telah dilaporkan.

Terdapat satu (1) kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-40. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 6 Oktober 2018 adalah sebanyak 80 kes iaitu 30 kes di Daerah Tumpat, 29 kes di Daerah Pasir Puteh, sepuluh (10) kes di Daerah Kota Bharu, dua (2) kes di Daerah Kuala Muda, manakala masing-masing satu (1) kes di Daerah Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang, Penampang, Baling, Kota Setar dan Petaling.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 2,445 sampel darah dan 12 sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif untuk ujian virus Zika.

Penyakit demam Denggi dan Chikungunya merupakan penyakit yang mudah merebak melalui gigitan nyamuk Aedes serta boleh mengancam nyawa. Namun begitu, penularan penyakit ini boleh diatasi melalui penglibatan semua agensi, jabatan dan masyarakat untuk memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk dipersekitaran seperti di rumah, tempat kerja, taman rekreasi dan sekolah. Luangkanlah masa untuk melakukan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan nyamuk seperti tayar tidak terpakai, bekas tong, plastik, tin atau kaca dan letakkan bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas tadahan air yang sukar dikosongkan. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**

  
**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

12 Oktober 2018

DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG  
(NO. MPM 26477)  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN  
(KESIHATAN AWAM)

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 40/2018  
(30 September hingga 6 Oktober 2018)**

| Bil. | Negeri              | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan        |          |   |          | Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 40/2018 |           | Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 40/2017 |            |
|------|---------------------|--|----------|---|----------|---|-----------|---|------------|
|      |                     | Minggu 40<br>(30 September – 6 Oktober 2018) |          | Minggu 39<br>(23 September – 29 September 2018) |          | Kes   | Mati      | Kes   | Mati       |
|      |                     | Kes  | Mati     | Kes   | Mati     |   |           |   |            |
| 1    | Perlis              | 4  | 0        | 10  | 0        | 202   | 0         | 163   | 0          |
| 2    | Kedah               | 34   | 1        | 35  | 1        | 1,516   | 7         | 1,260   | 4          |
| 3    | P. Pinang           | 132  | 0        | 103   | 0        | 3,894   | 5         | 1,971   | 13         |
| 4    | Perak               | 33   | 0        | 39  | 0        | 2,169   | 5         | 4,887   | 11         |
| 5    | Selangor            | 671  | 1        | 653   | 1        | 31,852  | 27        | 39,033  | 59         |
| 6    | WP KL-<br>Putrajaya | 162  | 0        | 148   | 0        | 5,553   | 7         | 7,279   | 19         |
| 7    | N. Sembilan         | 36   | 0        | 38  | 1        | 1,182   | 3         | 2,774   | 11         |
| 8    | Melaka              | 11   | 0        | 13  | 0        | 472   | 0         | 1,192   | 1          |
| 9    | Johor               | 136  | 0        | 82  | 0        | 4,337   | 13        | 6,476   | 23         |
| 10   | Pahang              | 16   | 0        | 22  | 1        | 714   | 3         | 1,420   | 5          |
| 11   | Terengganu          | 19   | 0        | 21  | 0        | 341   | 3         | 248   | 1          |
| 12   | Kelantan            | 65   | 0        | 60  | 0        | 1,294   | 3         | 2,288   | 2          |
| 13   | Sarawak             | 20   | 0        | 17  | 0        | 472   | 1         | 788   | 4          |
| 14   | Sabah               | 85   | 1        | 68  | 3        | 2,518   | 21        | 1,795   | 6          |
| 15   | WP Labuan           | 0  | 0        | 3   | 0        | 92  | 0         | 67  | 0          |
|      | <b>MALAYSIA</b>     | <b>1,424</b>                                 | <b>3</b> | <b>1,312</b>                                    | <b>7</b> | <b>56,608</b>                                       | <b>98</b> | <b>71,641</b>                                       | <b>159</b> |

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 40/2018  
(30 September hingga 6 Oktober 2018)**

| <b>Bil</b> | <b>Negeri</b> | <b>Daerah/Zon/<br/>PBT</b> | <b>Lokaliti</b>   | <b>Jumlah<br/>Kes</b> | <b>Tempoh<br/>Wabak<br/>Berlaku<br/>(Hari)</b> |
|------------|---------------|----------------------------|---|-----------------------|--|
| 1          | SELANGOR      | Petaling                   | Seksyen 15 (Dataran Otomobil :<br>Blok 1 - 18)                      | 135                   | 197  |
| 2          | SELANGOR      | Petaling                   | Seksyen 7 (Pusat Komersial A:Jln<br>Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T-Z 7/Z) | 51                    | 148  |
| 3          | SELANGOR      | Klang                      | T.T.G.I ( Jln Sama Gagah 18 )                                       | 61                    | 99   |
| 4          | SELANGOR      | Petaling                   | Seksyen 13 ( Pangsapuri<br>Perdana )                                | 135                   | 87   |
| 5          | WPKL          | Cheras                     | Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)  | 30                    | 86   |
| 6          | SELANGOR      | Petaling                   | Kd Pju 3 Tr 1 - Tr 9  | 15                    | 72   |
| 7          | P PINANG      | LMS                        | Taman Bersatu   | 21                    | 72   |
| 8          | SELANGOR      | Petaling                   | Seksyen 24 (Flat B : Blok 10 - 21)                                  | 19                    | 70   |
| 9          | SELANGOR      | H/Langkat                  | Appt Seri Cempaka Seksyen 16<br>Bandar Baru Bangi                   | 22                    | 68   |
| 10         | SELANGOR      | Petaling                   | Usj 1 (Angsana Appt)  | 23                    | 66   |
| 11         | SELANGOR      | Petaling                   | Usj 15 (Subang Perdana<br>Goodyear Court 10b) Blok Ar - Av          | 20                    | 65   |
| 12         | SELANGOR      | H/Langkat                  | Jalan Tropika 2 Taman Tropika                                       | 29                    | 60   |
| 13         | SELANGOR      | Petaling                   | Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)                                      | 13                    | 56   |
| 14         | WPKL          | Cheras                     | Ppr Desa Tun Razak  | 18                    | 54   |
| 15         | SELANGOR      | Petaling                   | Bl Pju 6 Bu 2 ( Teres A : Jln 2/1 -<br>2/9 )                        | 13                    | 54   |
| 16         | SELANGOR      | Petaling                   | Seksyen U5 (Pangsapuri Jasmin :<br>Blok 1 - 6)                      | 17                    | 54   |
| 17         | SELANGOR      | Petaling                   | Kd Pju 1a Pprt Lembah Subang 2<br>(Blok A-F)                        | 14                    | 54   |
| 18         | SELANGOR      | Petaling                   | Tmn Sri Serdang 2 (Flat Ikan-Blok<br>1-4)                           | 25                    | 53   |
| 19         | SELANGOR      | H/Langkat                  | Appt Seksyen 5 Bandar Teknologi                                     | 9                     | 53   |
| 20         | WPKL          | Cheras                     | Tmn Shamelin (Bustan Shamelin<br>Apt)                               | 8                     | 52   |
| 21         | SELANGOR      | Petaling                   | Kt Seksyen 22 Flat Sri Aman   | 19                    | 51   |
| 22         | SELANGOR      | Petaling                   | Seksyen 16 ( Kuarters Suk )   | 13                    | 48   |

|    |          |            |   |    |    |
|----|----------|------------|---|----|----|
| 23 | WPKL     | Putrajaya  | Presint 9 Parcel 4                                    | 13 | 47 |
| 24 | SELANGOR | Petaling   | Upm Serdang (Hostel Mrt-Clq)                          | 30 | 44 |
| 25 | SELANGOR | Petaling   | Seksyen 7 (Pangsapuri Baiduri)                        | 9  | 44 |
| 26 | P PINANG | Timur Laut | Lorong Nipah 1 - 15                                   | 9  | 42 |
| 27 | SELANGOR | Klang      | Sek 16 (Jimbaran Ken Rimba)                           | 15 | 41 |
| 28 | SELANGOR | Klang      | Taman Maznah (Lrg Songket 2)                          | 8  | 39 |
| 29 | SELANGOR | Gombak     | Selayang Baru Zon 8                                   | 11 | 39 |
| 30 | WPKL     | Titivangsa | Desa Tun Hussein Onn ( Blok G1-G5)                    | 15 | 35 |
| 31 | SELANGOR | H/Langat   | Jalan 2/5 Seksyen 2 Bandar Sri Putra                  | 14 | 35 |
| 32 | SELANGOR | S/Bernam   | Site C (1) Sekinchan                                  | 15 | 35 |
| 33 | SELANGOR | Klang      | Tmn Johan Setia (Lrg Setia 1a)                        | 18 | 35 |
| 34 | WPKL     | Kepong     | Fortune Avanie Condo (Blok C Dan D)                   | 7  | 34 |
| 35 | SELANGOR | Petaling   | Tmn Bkt Serdang 14 (Villa Pavilion)                   | 6  | 34 |
| 36 | SELANGOR | Petaling   | Du Ss 2 ( 1 )   | 7  | 33 |
| 37 | SELANGOR | Petaling   | Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)                | 11 | 33 |
| 38 | SELANGOR | H/Langat   | One Ampang Avenue Taman Ampang Utama                  | 6  | 33 |
| 39 | SELANGOR | Petaling   | Tmn Puchong Permai (Flat 38 Blok A)                   | 6  | 33 |
| 40 | P PINANG | Timur Laut | Taman Free School                                     | 7  | 33 |
| 41 | WPKL     | Cheras     | Desa Tasik Polis (Blok 19-49)                         | 7  | 32 |
| 42 | SELANGOR | H/Langat   | Kondominium Sri Angsana Hilir Taman Sri Angsana Hilir | 5  | 32 |
| 43 | SELANGOR | Petaling   | Sri Ss 7 Parkland Business Avenue                     | 7  | 32 |
| 44 | P PINANG | Timur Laut | Pangsapuri Lim Khoo Huat                              | 10 | 32 |
| 45 | WPKL     | Cheras     | Taman Midah (Prima Midah Height)                      | 14 | 31 |
| 46 | SELANGOR | H/Langat   | Jalan 15/2 Dan 15/3 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi      | 5  | 31 |
| 47 | SELANGOR | Petaling   | Seksyen 2   | 6  | 31 |

